

Bah di Pahang kian pulih

» Terengganu, Kelantan pula kembali buruk sebelah petang

Oleh Safeek Affendy Razali, Faizul Azlan Razak, Syazwan Msar, Nik Nur Zakia Abdullah dan Faizul Azlan Razak
bhnews@bharian.com.my

► Kuala Lumpur

Banjir di Terengganu dan Kelantan yang dilihat kian pulih pagi semalam, kembali buruk pada sebelah petang, manakala keadaan di Pahang semakin baik.

Setakat lewat petang semalam, jumlah mangsa banjir di pusat pemindahan di Terengganu dan Kelantan meningkat kepada 21,800 orang berbanding 14,930 pada sebelah pagi yang turut menyaksikan lebih 4,000 mangsa dibenarkan pulang.

Setakat semalam juga, bencana di Terengganu sudah meragut enam nyawa iaitu tiga di Kemaman, dua di Setiu dan seorang di Kuala Terengganu. Keseluruhan mangsa banjir di pusat penempatan meningkat kepada 14,894 orang setakat 5 petang semalam berbanding 8,173 orang pada sebelah pagi.

Menurut portal banjir negeri, lima pusat pemindahan baru dibuka petang semalam, menjadikan keseluruhan 76 pusat pemindahan dibuka di negeri itu dengan jumlah mangsa di pusat pemindahan di Kemaman seramai 9,601, Dungun (4,026), Kuala Terengganu (935), Setiu (185), Hulu Terengganu (104), Besut (31) dan Marang (12).

Di **Kelantan**, walaupun pusat pemindahan di tiga jajahan iaitu di Machang, Tanah Merah dan Kuala Krai ditutup tengah hari semalam, jumlah mangsa banjir meningkat



Nawang Hitam membawa tiga anaknya **mengharungi banjir di depan rumah mereka di Kampung Buluh Hilir, Bandar Permaisuri** dekat Kuala Terengganu, semalam.

[FOTO NOJIE NADZIRAH/BH]

hampir 1,500 orang kepada 7,000 berbanding kira-kira 6,757 pada sebelah pagi selepas 2,197 keluarga dari semua jajahan dipindahkan ke 28 pusat pemindahan banjir.

Paras air meningkat

Setiausaha Majlis Keselamatan Negara (MKN) Kelantan, Roslee Mamat, berkata jumlah mangsa bertambah berikutan paras air di Tumpat, Meranti, Rantau Panjang dan Pengkalan Kubur semakin meningkat dengan kawasan terjejas teruk ialah di jajahan Pasir Mas membabitkan 4,279 mangsa yang dipindahkan ke 20 pusat pemindahan setakat ini.

Di **Pahang**, jumlah mangsa yang ditempatkan di pusat pemindahan di Kuantan dan Pekan berkurangan kepada 435 orang setakat petang semalam berbanding 994 orang pada sebelah pagi, manakala 20 mangsa di sebuah pusat sama di Rompin dan 16 lagi di Jerantut dibenarkan pulang sebelum kemudahan itu ditutup.

Empat pusat pemindahan

yang masih dibuka di Kuantan ialah di SK Galing, Balai Raya Kampung Soi, Balai Raya Kampung Pahang dan SMK Gudang Rasau, manakala satu-satunya pusat pemindahan yang masih dibuka di Pekan ialah di SK Sinar Mutiara menempatkan 44 mangsa dari Kampung Cenderawasih, Kalong dan Sungai Miang.

Yayasan 1Malaysia Development Berhad (1MDB) turut menyampaikan bantuan makanan basah bersama selimut dan tikar kepada 448 mangsa

“**Apa yang penting sebenarnya adalah keselamatan dan nyawa, bukan wang ringgit, barang kemas atau barang elektrik dalam rumah**”

Khalid Abu Bakar,
Timbalan Ketua Polis Negara

banjir di enam pusat pemindahan di dua daerah berkenaan, manakala Pusat Khidmat Rakyat Dewan Undangan Negeri (DUN) Teruntum mengedarkan 60 tilam dan bantal kepada mangsa banjir di Kampung Galing.

Anggota polis mencukupi

Sementara itu, Timbalan Ketua Polis Negara, Tan Sri Khalid Abu Bakar menasihatkan penduduk di kawasan bencana tidak terlalu memikirkan keselamatan harta benda mereka jika diarahkan berpindah kerana polis menempatkan anggota mencukupi untuk mengawasi kediaman mereka.

“Sesetengah mangsa banjir dilapor enggan meninggalkan kediaman kerana khuatir barang berharga milik mereka hilang. Apa yang penting sebenarnya adalah keselamatan dan nyawa, bukan wang ringgit, barang kemas atau barang elektrik dalam rumah,” katanya selepas merasmikan Seminar Go Green PDRM di ibu negara, semalam.